

TANGGUNGJAWAB PENUMPANG PERKHIDMATAN FERI DAN BOT TAMBANG

AM

1. Membeli tiket di kaunter-kaunter tiket yang disediakan sahaja,
2. Menyemak jadual perjalanan feri,
3. Memberi laluan dan keutamaan kepada kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya,
4. Masuk/Berada di ruang menunggu selewat-lewatnya 15 minit sebelum masa berlepas yang tercatat pada tiket,
5. Laporkan sebarang aduan berkenaan perkhidmatan feri kepada Pejabat Pelabuhan terdekat,

KETIKA BERADA DI TERMINAL

6. Menyemak nama feri dan bersedia di tempat menunggu yang disediakan dan patuhi arahan daripada pegawai Jabatan Laut dan kakitangan feri,
7. Kenalpasti isyarat-isyarat kecemasan, tanda arah dan arahan-arahan yang ada di sekitar terminal tersebut,
8. Jauhi kawasan-kawasan larangan dan tempat-tempat berbahaya,
9. Pastikan anak-anak dibawah jagaan anda sentiasa berada disamping anda,
10. Apabila melihat kejadian kecemasan; Kebakaran, Orang Jatuh Laut, Orang Cedera atau Orang Sakit dan kecemasan yang lain, dapatkan bantuan dan maklumkan kepada kakitangan Jabatan Laut dengan serta merta,
11. Apabila mendengar arahan atau isyarat kecemasan, patuhi dan bergegas ketempat berkumpul yang ditetapkan atau diarahkan,
12. Beratur semasa menaiki/meninggalkan feri,

KETIKA BERADA DI ATAS KAPAL

13. Masuk dan duduk ditempat duduk masing-masing,
14. Bertanya kepada kakitangan feri sekiranya anda tidak mendapat tempat duduk,
15. Tinggalkan feri dan maklumkan kepada kakitangan Jabatan Laut sekiranya kakitangan feri gagal mendapatkan tempat duduk anda,
16. Simpan bagasi anda di tempat yang disediakan atau minta kakitangan feri menyimpan bagasi anda, jangan letak bagasi di laluan penumpang atau depan pintu kecemasan,
17. Kenalpasti tempat jeket keselamatan disimpan dan baca risalah cara-cara menggunakannya,
18. Baca risalah dan arahan-arahan keselamatan, isyarat-isyarat keselamatan dan kenalpasti kedudukan pintu kecemasan,
19. Apabila melihat kejadian kecemasan; Kebakaran, Orang Jatuh Laut, Orang Cedera atau Orang Sakit dan kecemasan yang lain, dapatkan bantuan dan maklumkan kepada kakitangan Jabatan Laut dengan serta merta,

20. Apabila mendengar isyarat kecemasan, 'JANGAN PANIK', beratur dan keluar ke tempat berkumpul (*Muster Station*) dan tunggu arahan,
21. Penumpang bot tambang (jenis lesen 12 penumpang), pakai jeket keselamatan sebelum menaiki sehinggalah anda meninggalkan bot, duduk di tempat duduk masing-masing sepanjang pelayaran,
22. Patuhi arahan-arahan dan kenyataan-kenyataan yang dipamirkan di atas feri,
23. Patuhi arahan-arahan yang diberikan oleh kakitangan feri,

LARANGAN

24. Melompat, memanjat atau menaiki feri dengan apa-apa cara selain menggunakan tangga atau laluan yang disediakan,
25. Membawa barang-barang berbahaya, petrolium dan barang-barang larangan lain,
26. Membawa senjata, senjata api, bahan kimia berbahaya dan bahan letupan,
27. Membawa masuk binatang peliharaan ke dalam feri,
28. Berada di atas bumbung feri, memasuki bilik kawalan navigasi dan bilik injin,
29. Keluar berjalan-jalan di atas geladak sewaktu pelayaran,
30. Merokok, menyalakan api, bermain bunga api dan perbuatan lain yang boleh menyebabkan kebakaran,
31. Mengusik, membunyikan, merosakan dan mengodam isyarat-isyarat kecemasan dan alat-alat keselamatan.